


Penduduk gesa kekalkan tanah rizab padang ragut

Oleh Nurul Fatihah Sulaini , Jun 12, 2023



Penduduk membantah tindakan kerajaan negeri mahu menjadikan padang ragut Kampung Tok Has menjadi kawasan perumahan. NSTP/ Nurul Fatihah Sulaini

Jertih : Lebih 60 penternak yang menternak kira-kira 600 ekor lembu dan kambing sekitar kawasan mukim Bukit Puteri, Besut menggesa kerajaan negeri mengekalkan tanah rizab padang ragut di kawasan itu untuk aktiviti penternakan serta pertanian.

Wakil penternak, Mat Daud Mat Ali, 71, dari Kampung Gong Penaga, berkata mereka tidak bersetuju dengan tindakan kerajaan negeri mahu membatalkan status tanah rizab padang ragut di kawasan berkenaan untuk dijadikan lot perumahan.

Katanya, tindakan itu jika diteruskan akan menyebabkan ternakan hilang tempat meragut rumput, sekali gus penternak perlu bergantung sepenuhnya kepada dedak untuk makanan haiwan.

"Saya terbabit dalam bidang ternakan lembu sejak berumur 10 tahun dan sejak dulu menggunakan kawasan padang ragut itu untuk lembu meragut rumput.

"Jika tanah itu ditukarkan status, penternak terpaksa menanggung kos tinggi untuk bergantung kepada dedak kerana harga dedak sekarang kira-kira RM63 berbanding RM18 hingga RM20 seguni sebelum ini," katanya ketika ditemui di Kampung Raja, di sini, hari ini.

Penduduk, Yusof Ismail, 47, berkata sebelum ini sudah ada beberapa kawasan di situ diluluskan untuk dijadikan projek perumahan rakyat.

"Kesan awal sudah dirasai penduduk apabila projek menambak tanah di situ menyebabkan beberapa kawasan kampung serta kawasan padi ditenggelami banjir akhir tahun lalu yang mengambil masa seminggu lebih untuk pulih.

"Kerajaan perlu menambah baik kerja infrastruktur seperti menyediakan longkang besar, jambatan dan memastikan sistem saliran perparitan dilakukan dengan teratur selari dengan projek pembinaan berkenaan," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Besut, Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman berkata, kerajaan negeri perlu mengambil berat isu tanah rizab padang ragut dan tanah pertanian membabitkan penduduk di lima kampung iaitu Kampung Tok Has, Lay Out Tok Has, Air Terjun, Gong Penaga serta Pusu Tinggi.

Katanya, notis bantahan pembatalan tanah rizab padang ragut sudah dihantar kepada kerajaan negeri melalui Pejabat Tanah dan Daerah Besut.

"Wakil penduduk juga turut dipanggil untuk sesi taklimat dan pendengaran membabitkan tiga isu utama iaitu bantahan mahu membatalkan rizab padang ragut, tambah baik infrastruktur di kawasan projek perumahan rakyat serta tuntutan hak lot pertanian bagi 35 peserta asal kelompok Roselle.

"Harga dedak semakin mahal, namun harga pasaran lembu semakin menurun, justeru penduduk mahu tanah rizab padang ragut dikekalkan selaras dengan dasar kerajaan negeri ingin memperkasakan ternakan lembu terutama lembu sado di negeri ini," katanya.

-BH Online